

Bahagian A

Soalan 1 hingga 8

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

- 1 Dia melihat pemandangan yang indah sepanjang _____ pulang ke kampung.
A pejalan C dijalankan
B jalanan D perjalanan
- 2 _____ aktiviti telah dirancang oleh Persatuan Bahasa Melayu untuk menyemai perasaan cinta akan bahasa Melayu dalam kalangan murid.
A Para C Pelbagai
B Sesuku D Setengah
- 3 "Bolehkah _____ bawa barang-barang ini ke stor sukan?" tanya Jian Enn kepada kawan-kawannya.
A kami C hamba
B awak D kalian

Soalan 4 berdasarkan gambar di bawah.



- 4 Pengadil itu meletakkan bola ragbi yang berbentuk _____ di tengah padang.
A tirus C lonjong
B leper D cengkung
- 5 Cikgu Rosliza berjalan ke bilik guru sambil _____ fail.
A memikul C menggulung
B mengelek D membentang
- 6 Sultan Perak _____ kepada rakyat baginda supaya sentiasa mengekalkan perpaduan dan keharmonian antara kaum.

- A bertitah C bersantap
B berkenan D berangkat

- 7 Puan Teo terpaksa ber_____ dari rumah ke tempat kerja baharunya walaupun jaraknya jauh.
A ulang-alik
B lalu-lalang
C pindah-randah
D bengkok-bengkok
- 8 Aktiviti pasukan unit beruniform amat menekankan aspek disiplin dan semangat _____ dalam pasukan.
A daya saing C setia kawan
B tunjuk ajar D temu ramah

Soalan 9 dan 10

Pilih peribahasa yang sesuai.

- 9 Keluarga Encik Lim memang _____ pada hari ini kerana sebaik-baik sahaja mereka tiba di rumah saya, makanan telah terhidang.
A langkah kiri C langkah seribu
B langkah kanan D langkah bendul
- 10 "Segala suka duka yang berlaku dalam keluarga kita perlu dihadapi dan ditanggung bersama-sama," kata ayah.
A Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing
B Yang lama dikelek, yang baharu didukung
C Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung
D Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri